

Kerjasama rakyat, kerajaan, KKM ramuan perangi COVID-19

Oleh Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Statistik kes COVID-19 sejak dua minggu lalu menunjukkan trend peningkatan dengan jumlah jangkitan harian masih lagi empat angka. Jumlah kematian pernah merekodkan angka menghampiri 100 kes sehari.

Lebih memburukkan, Kementerian Kesihatan (KKM) pernah melaporkan sehingga 6 Mei, negara mencatatkan 500 kes kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU), jumlah tertinggi sejak pandemik bermula.

Turut membimbangkan, lebih banyak kluster baharu daripada pelbagai sektor dikenal pasti. Kewujudan varian baharu lebih ganas dengan kadar kebolehhangkitan tinggi dan pantas pula, mencetuskan episod lebih buruk dalam memerangi pandemik sehingga nilai kebolehhangkitan (Rt)

terkini mencatatkan 1.16.

Tambahan pula, krisis kesihatan awam berkeungkinan berlaku, iaitu menjadi lumpuh akibat infrastruktur kesihatan dan keperluan asas perubatan yang diperlukan untuk merawat COVID-19 tidak mencukupi, kesan peningkatan kes berterusan:

Mempertimbangkan semua faktor ini, pelaksanaan sekatan pergerakan sepenuhnya atau *total lockdown* menjadi suatu kemestian. Hari ini, fasa sekatan penuh bermula untuk tempoh dua minggu.

Realiti harus diakui bahawa pematuhan sendiri kurang berhasil dalam kalangan rakyat. Dengan kadar pematuhan sebegini, fasa dua minggu tidak mustahil akan dilanjutkan selagi penularan COVID-19 masih dikesan tinggi dalam kalangan masyarakat.

Namun, adakah kita memahami sepenuhnya realiti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) itu, walaupun berpengalaman melaluinya?

PKP membawa maksud pematuhan arahan duduk di rumah, penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka ketika bergejala atau ketika di luar rumah, menjaga kebersihan diri serta beberapa langkah keselamatan dan kesihatan lain.

Kerap kali Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengingatkan masyarakat global bahawa COVID-19 tidak mengenal sempadan, bangsa, usia ataupun agama. Ambillah iktibar dan pengajaran dengan apa yang berlaku di India.

Di negara berkenaan, perhimpunan besar-besaran di tempat awam seperti aktiviti keagamaan dan politik, sukan dan sosial yang dibenarkan berlangsung tanpa sekatan. Ia menyebabkan India kini dibadai pandemik sehingga lunyai menyembah tanah.

Apa yang dikesalkan, ada segelintir masyarakat di negara ini masih gagal mengambil pengajaran daripada apa yang berlaku di India. Golongan ini mengambil ringan pematuhan prosedur operasi standard (SOP).

Hal ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan orang biasa, malah kenamaan walaupun kerajaan

mengumumkan denda dan hukuman penjara kepada sesiapa yang ingkar arahan.

Jadikan kesilapan lalu sebagai pengajaran. Sampai bila kita hendak duduk di rumah dan menanti arahan PKP dan kembali semula kepada PKP dan seterusnya?

Kita semua yang akan menentukannya! Apa yang penting ialah sikap kita, inilah sebenarnya menjadi penyumbang kejayaan segala keputusan kerajaan, termasuk sekatan pergerakan penuh.

Sikap segelintir masyarakat yang memandang ringan berkaitan penularan COVID-19 amat dikesali dan ia perlu segera diubah. Sebarang kealpaan atau cepat berpuas hati dengan 'kemenangan' terhadap pandemik ini sehingga mengabaikan SOP, pastinya membawa padah.

Tidak dinafikan dalam tempoh hampir dua tahun mendepani COVID-19, pastinya ramai yang sudah terkesan dengan situasi COVID-19 sehingga mengalami kelesuan pandemik, malah mungkin ada yang sudah lali dengan mesej kesihatan awam mengenai kepentingan pematuhan SOP.

Hakikatnya kita perlu terus patuh kepada SOP selagi imuniti kelompok belum tercapai sepenuhnya. Natiujahnya, jauh lebih mudah untuk mematuhi SOP daripada sengsara dalam tempoh jangka masa panjang atau lebih teruk, menyebabkan kita sendiri atau orang yang dikasihi hilang nyawa berikutan pandemik ganas ini.

Malaysia sebelum ini pernah diiktiraf antara lima negara terbaik mengawal pandemik. Menyedihkan, kita kini dijadikan contoh pengajaran oleh negara jiran dari sudut berbeza pula.

Mengambil kira semua situasi semasa, peranan setiap rakyat dalam memastikan pengawalan penularan COVID-19 sangat ditagih pada setiap masa dan keadaan tanpa mengira siapa mereka.

Sifat virus COVID-19 ini yang sangat mudah merebak dan mencari perumah 'lalai' serta rantaian penularan akan terus bersambung apabila pendedahan kontak individu tidak disekat.

Sebab itulah pergerakan rentas daerah dan ne-

geri di seluruh negara perlu dipatuhi sepenuhnya demi memutuskan rantaian jangkitan yang tinggi ketika ini.

Ingatlah, 17 hingga 20 peratus pesakit COVID-19 adalah tanpa simptom, manakala 49 peratus pula adalah pra-simptom yang kemudiannya mendapat simptom. Golongan ini yang menyumbang kepada penyebaran jangkitan sehingga mencapai tahap pandemik.

Maka patuhilah SOP disarankan sepenuhnya bagi mengelak jangkitan, khususnya patuh kepada larangan merentas daerah atau negeri dan duduk di rumah jika tiada keperluan untuk keluar.

Adalah sangat penting semua individu mematuhi SOP, walaupun tidak sakit, supaya dapat mengelak jangkitan ini merebak terutama kepada golongan rentan.

Hakikatnya, tiga pihak - iaitu rakyat, kerajaan dan KKM - perlu memainkan peranan masing-masing dalam memerangi penularan jangkitan COVID-19.

Di pihak kerajaan, penting untuk meraih semula kepercayaan rakyat dengan menyampaikan mesej jelas berhubung SOP yang dilaksanakan bagi memastikan mereka tidak keliru atau bosan dengan situasi semasa.

Pemberian suntikan vaksinasi menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan juga perlu disegerakan bagi mencapai imuniti kelompok kerana ia boleh menyumbang kepada penurunan kes.


Dasar vaksin perlu terbuka kepada semua, cepat, meluas, telus serta mesra rakyat. Semua rakyat Malaysia dinasihatkan terus berdisiplin dan sentiasa mematuhi SOP ditetapkan bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 pada kadar segera.

Sama-samalah kita memperlihatkan semangat berkorban dalam misi keluar daripada pandemik COVID-19 dan merasai kembali kehidupan normal.

Disiplin dan komitmen rakyat di semua lapisan, tidak kira kedudukan, kuasa dan taraf akan menjadi penentu sama ada kita benar-benar berjaya atau tidak dalam peperangan mencabar ini.



Profesor Madya di Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM)



Rakyat diminta untuk sertai program vaksinasi bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

(Foto hiasan)